

01/02/1999

Tokoh kewangan setuju 4 ramuan asas (HL)

Azizi Othman in Davos (Switzerland)

DAVOS (Switzerland), Ahad - Tokoh kewangan antarabangsa bersetuju bahawa empat aspek yang diketengahkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad penting dan perlu dijadikan asas kepada pakej kawal selia sistem kewangan dunia.

Mereka juga bersetuju di samping beberapa aspek lain yang perlu dimasukkan, empat ramuan asas berkenaan iaitu ketelusan, undang-undang, pendaftaran dan had leveraj, amat penting bagi memastikan sebarang usaha kawal selia yang dilaksanakan berkesan untuk mencapai matlamatnya.

Presiden dan Ketua Eksekutif First Capital Management Inc, Micheal Whitman, berkata saranan Perdana Menteri itu perlu diberi perhatian serius oleh kalangan penggubal dasar ekonomi sejagat kerana ini ialah pertama kali dunia mendengar mengenai apa yang boleh dijadikan sebagai ramuan utama bagi 'ubat kepada penyakit sejagat'.

"Ketika ini, dunia sudah menerima hakikat dagangan mata wang dan aliran modal perlu dikawal selia. Oleh kerana Dr Mahathir ialah seorang daripada tokoh paling kuat memperjuangkannya, pandangan beliau mengenainya perlu diberi perhatian," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Naib Pengerusi Unified Asset Management AG, Reinicke Stigson, berkata sebarang cadangan berhubung unsur yang harus dititik berat dan dimasukkan dalam pakej kawal selia itu, seperti yang diumumkannya (Dr Mahathir) semalam, perlu diambil kira untuk pertimbangan atau didebatkan bila sampai masanya.

"Hari ini, tiada siapa tahu bagaimana cara paling sesuai untuk mengawal selia urusan ini. Ini bermakna, kita dalam proses mengumpulkan input dan oleh itu, apa saja pendapat yang disuarakan terutama oleh pemimpin negara atau syarikat perlu diambil berat," katanya.

Kedua-dua tokoh korporat yang mengulas saranan Dr Mahathir itu bagaimanapun berpendapat, mungkin banyak lagi aspek lain yang turut perlu diambil kira dalam menggubal rangka kerja kawal selia itu.

Perdana Menteri dalam satu sesi soal jawab di WEF semalam, menggariskan empat aspek utama yang perlu dijadikan teras utama pakej kawal selia operasi dana lindung nilai dan dagangan mata wang sejagat.

Empat aspek berkenaan yang perlu diperincikan oleh kalangan pakar dan tokoh kewangan dunia ialah wang perlu dibuat dengan mengambil kira empat aspek utama iaitu ketelusan, undang-undang, pendaftaran dan had leveraj.

Menurut Dr Mahathir, setiap daripada empat asas itu mempunyai fungsi penting kerana ia dapat membantu memastikan sebarang pakej kawal selia yang diperkenalkan, berkesan mencapai matlamatnya.

Rakan Kanan bank pelaburan terkemuka Goldman Sachs, Jon Corzine berkata, sebarang saranan seperti yang dikemukakan Perdana Menteri itu perlu diberi perhatian kerana ia boleh menjadi asas kepada pakej kawal selia yang berkesan.

Walaupun keberatan menyatakan sokongan penuhnya, beliau turut bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir yang kawalan modal tidak semestinya akan menyekat dana lindung nilai dan peniaga mata wang kerana tiada siapa yang mahu melabur dalam pasaran yang huru-hara tanpa kawalan.

Kanada, satu daripada negara yang paling lantang menyokong kawal selia kewangan di mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, kali ini bersetuju dengan saranan yang diketengahkan Dr Mahathir.

Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, secara terbuka menyatakan tata cara kewangan dunia kini perlu disusun semula dan sebarang inisiatif ke

arah merumuskan pakej kawal selia yang berkesan perlu diberi perhatian serius.

"Ini kerana, apabila ekonomi dilanda kegawatan beban utamanya dirasakan oleh rakyat biasa tetapi Barat kini nampaknya masih beriya-iya benar untuk mempertahankan kapitalisme yang pada saya bukanlah jalan keluar terbaik bagi semua masalah," katanya di sini hari ini.

Pengarah Institut Pembangunan Antarabangsa Universiti Harvard, Jeffrey D Sachs, ketika membentangkan pandangannya jelas sejajar dengan apa yang diketengahkan Dr Mahathir.

Ini kerana, empat unsur itu termasuk dalam tujuh strategi yang diketengahkan Sachs dalam usaha membuat reformasi ke arah mengawal selia dagangan mata wang dan operasi dana lindung nilai.

(END)